

Najib tidak beri kelulusan bertulis beli Genting Sanyen

Saksi beritahu pengambilalihan dilakukan melalui DCR

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, Datuk Seri Najib Razak tidak memberikan kelulusan secara bertulis bagi pengambilalihan Genting Sanyen (M) Sdn Bhd oleh syarikat pelaburan strategik negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Kelulusan itu adalah selaras dengan peruntukan Artikel 117 Memorandum dan Artikel Persatuan (penggabungan dan pengambilalihan) 1MDB yang menyatakan sesetengah keputusan syarikat 'memerlukan kelulusan Perdana Menteri'.

Perkara itu dinyatakan peguam Wan Aizuddin Wan Mohammed ketika menyoal balas bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, dengan merujuk saksi kepada Resolusi Pekeliling Pengarah (DCR) 1MDB.

Shahrol Azral yang juga saksi pendakwa kes sembilan, bersetuju dengan peguam itu, namun menyatakan kelulusan perdana menteri tidak diperlukan dalam pengambilalihan berkenaan.



Najib hadir di Mahkamah Tinggi, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Katanya, ia dilakukan melalui DCR (tanpa perlu dimaklumkan kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah) kerana kesuntukan masa untuk memanggil semua ahli Lembaga Pengarah bagi membincangkan hal itu seperti diberitahu kepadanya oleh peguam syarikat, Jasmine Loo.

Dalam pernyataan saksinya sebelum ini, Shahrol Azral berkata, Najib mengambil tindakan pantas dalam proses pengambilalihan Genting Sanyen yang mana syarikat memerlukan kelulusan Najib selaku pemegang saham tunggal 1MDB di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Beliau berkata, pihaknya menulis surat kepada Najib pada 2 Ogos 2012 bagi mendapatkan pinjaman sehingga RM1 bilion sejajar pengambilalihan

syarikat tenaga itu.

Katanya, Najib membalas surat itu keesokannya kerana beliau dan Jho Low mendesak supaya urusan pengambilalihan itu dilakukan secepat mungkin.

Menurut saksi, 1MDB mengambil langkah berturut-turut untuk membeli Genting Sanyen pada harga RM2.75 bilion selepas berjaya mendapatkan sebuah lagi loji janakuasa, Tanjung Energy Holdings Sdn Bhd, dengan harga RM10.6 bilion.

Sementara itu, Wan Aizuddin mencadangkan kepada saksi bahawa DCR itu digunakan dalam pengambilalihan syarikat tenaga berkenaan bagi mengelak pemeriksaan oleh Lembaga Pengarah 1MDB.

Katanya, Lembaga Pengarah juga diperdayakan selepas tidak mendapat apa-apa maklumat

mengenai pengambilalihan itu. Saksi bagaimanapun tidak bersetuju dengan cadangan peguam.

Shahrol Azral berkata, Loo dan firma pelaburan Goldman Sachs memberikan nasihat mengenai penstrukturan dan pembiayaan berhubung pemolehan Genting Sanyen dan beliau hanya menurut kerana proses itu bersamaan dengan pengambilalihan Tanjong Energy Holdings Sdn Bhd.

Wan Aizuddin: Tidakkah kamu perlu bertanya lebih lanjut kenapa mengambil khidmat bank luar pesisir bagi urusan penstrukturan?

Shahrol Azral: Saya ada orang yang memeriksa perjanjian itu dan saya percayakan mereka.

Wan Aizuddin: Alasan menggunakan bank luar pesisir ialah kerana ia kurang diperiksa oleh Bank Negara Malaysia dan pihak berkuasa?

Shahrol Azral: Saya tidak setuju.

Wan Aizuddin: Saya cadangkan kamu sedar sepenuhnya mengenai hal ini dan tetap meneruskan dengan urusan itu?

Shahrol Azral: Tidak setuju.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Collin Lawrence Sequerah, bersambung 3 Ogos ini.

BH-18/7/2020 m/s: 16